

26/06/2000

Tiada komplot jatuhkan saya - Megat

DALAM Berita Minggu semalam, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob menceritakan mengapa beliau menulis buku 'Getek'. Beliau juga bercerita mengenai kekalahannya di kawasan Parlimen Parit dalam pilihan raya umum tahun lalu. Ikuti sambungan temu bual beliau dengan Halmi Samad.

Bukankah tindakan bertanding di Parit bermaksud untuk membunuh kerjaya politik Tan Sri?

Tidak. Sebenarnya saya tidak diberi peluang untuk jelaskan kedudukan sebenar. Ia adalah keputusan di saat terakhir. Saya tidak boleh ubah keputusan itu. Malah, saya sudah siapkan poster bertanding di Pasir Salak. Tidak timbul soal Datuk Seri Dr Mahathir (Mohamad) mahu aniaya saya.

Ketika keputusan diumumkan malam itu, saya bersalam dengan beliau. Beliau tengok muka saya dan berkata: "Megat, awak kalah." Saya lihat matanya merah. Saya tahu PM sungguh tak sangka. Malah, Tan Sri Khalil (Yaakob) dan Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) pun tergamam sewaktu saya melutut dan bersalam dengan PM. Daripada air muka PM, saya tahu tiada usaha untuk bunuh kerjaya politik saya.

Apa punca sebenar Tan Sri diminta bertanding di Parit?

Masalah timbul apabila Ramli (Ngah Talib) yang sudah 18 tahun jadi Menteri Besar diminta bertanding kerusi Parlimen. Tan Sri Ramli perlu cari kawasan paling selamat. Kawasan yang paling selamat ialah Pasir Salak dan beliau adalah Ketua Umno Bahagian Pasir Salak. Saya cuma Timbalan Ketua Bahagian. Beliau merayu kepada PM untuk bertanding di Pasir Salak.

Ayat yang diberitahu oleh PM kepada saya adalah: "Kalau dia (Ramli) bertanding di Parit, dia akan kalah. Tapi, kalau hantar Datuk Megat, insya-Allah akan menang. Sebab Datuk Megat ada cara tersendiri."

Bagaimana Tan Sri melihat peluang (untuk menang) di Parit ketika itu?

Saya banyak adik beradik dan saudara mara di sana. Orang tua-tua pun kata, siapa saja orang luar yang bertanding di Parit akan kalah.

Mungkin ada faktor lain menyebabkan Tan Sri kalah?

Mereka tidak mahu ditipu lagi. Dalam dialog saya dengan Pemuda, salah seorang bangun dan berkata: "Minta maaf Datuk... nasi dah jadi bubur. Kami boleh ditipu sekali, tapi kami tidak boleh terima kami ditipu kali kedua."

Bukankah senario ahli Umno suka berterus terang itu bagus untuk parti?

Kadang-kadang ahli Umno terbawa-bawa dengan semangat kedaerahan daripada semangat kebangsaan. Pas tiada semangat kedaerahan. Siapa saja calon Pas, mereka akan sokong. Mat Sabu orang Pulau Pinang lawan di Kubang Kerian, dia menang. Kemudian lawan di Kuala Kedah, pun dia menang. Datuk Dr Hassan Ali bukan orang Tanjung Karang, tapi menang di situ. Dia bukan orang Parit Buntar, tapi menang di situ. Tapi, ahli Umno rasa diri mereka sudah kuat kerana sudah perintah negara ini 25 tahun. Inilah kelemahan ahli Umno sekarang.

Kami difahamkan Tan Sri masih kerap melawat cawangan walaupun tiada jawatan?

Saya masih Timbalan Ketua Umno Bahagian. Minggu ini, saya akan balik. Jumpa kawan-kawan dan saudara mara. Selain itu, PM suruh saya rehat sampai ada isyarat. Saya patuh. Selama 25 tahun saya bangun pagi, tahu apa yang perlu dilakukan. Kadangkala berjaga sehingga larut malam kerana layan orang kawasan. Kini, saya masih berjaga sampai jam 1 pagi, cuma tidaklah sesibuk dulu. Saya sekarang sibuk dengan perniagaan. Tapi, saya utamakan perniagaan yang berteraskan tanggungjawab kepada masyarakat, pengguna dan negara.

Kalau ada orang ajak saya buat projek di Langkawi, saya akan pastikan ia menepati wawasan Dr Mahathir, iaitu mahu jadikan pulau itu pusat peranginan antarabangsa. Saya bukan mencari untung besar. Sekarang ini, saya terbabit dengan Puasmas Sdn Bhd. Ia adalah perniagaan pelbagai termasuk air. Saya tekankan perkataan puas itu. Apabila minum air, dia puas. Apabila masuk bilik air pun, dia puas. (E)mas pula bermakna berkualiti. Saya terbabit dengan projek perniagaan meneroka alam semula jadi. Tapi, saya tidak mahu ia rosak. Kalau boleh kita kekalkannya dan berikan perkhidmatan paling maksimum kepada pengguna dan ketepikan soal untung.

Saya hanya akan layan pihak yang mahu buat perniagaan dengan tujuan bangunkan masyarakat dan negara mengikut wawasan PM. Saya tidak mahu perniagaan yang pentingkan keuntungan besar. Malah, apabila orang bercakap soal komisen kereta, saya pandang serius. Orang kata pengguna untung.

Tapi, mereka lupa soal perkhidmatan. Dulu, siapa nak beli kereta, penjual akan datang ke rumah. Kalau potong itu semua, kita terpaksa pergi ke pusat jual kereta. Mereka akan buat tak tahu. Mereka akan suruh kita buat semua sendiri.

Daripada cakap-cakap ini, nampaknya Tan Sri masih berminat dengan jawatan menteri. Adakah ini ada kaitan dengan isyarat daripada PM yang Tan Sri sebutkan tadi?

Tidak. Apa saja yang difikirkan sesuai, saya akan berkhidmat. PM tahu kebolehan saya. Kepada saya, Dr Mahathir adalah insan yang sangat luar biasa, sangat pragmatik, tidak pernah tengking orang bawahan dan pandai berhujah. Itu sebabnya bila orang kata, Dr Mahathir bergaduh dengan (Tun) Daim (Zainuddin), saya langsung tidak percaya. Mustahil. Kalau saya anggap Dr Mahathir sebagai bapa, Daim pula anggap Dr Mahathir sebagai abangnya. Memang kita suka bertengkar dengan PM. Tapi kita bertengkar untuk mencari rumusan terbaik. Saya akan berhujah dengan PM. Dulu, beliau suruh saya jumpa beliau jam 7.30 pagi. Kami berhujah macam bertengkar.

Dalam buku Getek ada disebut Tan Sri pakai baju serupa dengan Anwar pada hari yang sama. Adakah ini bukti Tan Sri rapat dengan Anwar?

Tidak ada apa-apa. Saya dengan Anwar pergi kepada tukang jahit yang sama, iaitu New Trend depan PJ Hilton. Biasanya apabila pergi ke kedai itu, beliau akan tanya kain yang saya tempah. Kemudian beliau akan tempah kain yang sama dengan saya.

Apa perasaan Tan Sri kalau ada orang masih kaitkan dengan Anwar sekarang?

Saya hanya rapat dengan Anwar, tapi saya tidak rapat dengan orang Anwar. Itu masalah saya. Saya rapat dengan Anwar. Saya tak kenal yang lain. Jadi, timbullah perasaan cemburu kerana Anwar beri arahan kalau Datuk Megat datang, jangan cuba halang.

Saya boleh jumpa Anwar bila-bila masa. Pergi ke rumah dia pun bila-bila masa. Jadi, mungkin ada orang tidak seronok. Pembabitan saya dengan kes Anwar terlalu minimum, hanya dalam jangka masa beberapa hari iaitu apabila surat Ummi (Hafilda) timbul. Itu pun saya terangkan kepada dia.

Mengenai buku `50 Dalil Kenapa Anwar Tidak Boleh Jadi Perdana Menteri', saya langsung tak baca. Mula-mula PM kata kepada saya itu semuanya fitnah. Saya pun kata kepada Anwar, PM kata itu fitnah. Tutup buku. Tapi, kalau orang masih nak kaitkan, saya tak boleh buat apa-apa.

(END)